



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**
Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.9 (38)
Tarikh : 20 Jun 2022

PERINGATAN 1

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Semua Ketua Pejabat Pemungut
Negeri Kedah Darul Aman**

Senarai Edaran Seperti di Lampiran 1

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PERINGATAN KEPADA JABATAN / PUSAT TANGGUNGJAWAB / PEJABAT PEMUNGUT YANG TIDAK MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI (VOT, HASIL DAN AMANAH) BAGI BULAN MEI 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Para 2.7.4 di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 7 Tahun 2018 (Lampiran I) telah menggariskan dengan jelas Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan dan Semakan Laporan seperti berikut:

“PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki di Lampiran I-2 dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.”

3. Sila patuhi format yang betul mengikut laporan yang terlibat seperti dibawah:

- i) Sijil Pengesahan Baki Vot – **SPANM Bil 7 Tahun 2018**
- ii) Sijil Pengesahan Baki Terimaan – **SPANM Bil 3 Tahun 2019**
- iii) Sijil Pengesahan Baki Amanah – **SPANM Bil 4 Tahun 2021**
- iv) Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit – **SPANM Bil 4 Tahun 2019**

4. Sehingga tarikh surat ini dikeluarkan, didapati Jabatan / PTJ Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan masih belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki bagi bulan **Mei 2022** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan.

5. Kegagalan pihak Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan mematuhi arahan ini boleh menyumbang kepada risiko seperti berikut:

- 3.1 Baki peruntukan tidak dapat diselia dan dikawal dengan baik;
- 3.2 Kesalahan / kesilapan tidak dapat dikesan dengan segera;
- 3.3 Sukar untuk menyediakan laporan bulanan / tahunan; dan
- 3.4 Dikuiri oleh Ketua Audit Negara (KAN).

6. Sehubungan itu, dipohon kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk mematuhi AP143(b) dengan **mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tersebut ke Unit Akaun JANM dengan kadar segera pada atau sebelum 30 Jun 2022.**

7. Sila berhubung dengan pegawai di Unit Akaun di **talian 04-7001000** untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut berhubung Sijil Pengesahan Baki tersebut.

6.1 **Puan Hanida Bt Abdul Hajat**

sambungan – 187

7. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi, Terokai Transformasi, Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,



(ARSHAD BIN ABDUL RAHMAN C.A.(M))

Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman